

Dr. M: Pengundi Permatang Pauh semakin positif terhadap UMNO

UM 30 JUN 2001

BUKIT MERTAJAM 29 Jun — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yakin para pengundi terutamanya orang Melayu di Permatang Pauh sudah berubah dan semakin komited terhadap kerajaan dan UMNO.

Perdana Menteri berkata, sikap mereka semakin positif serta kian bersemangat untuk memperjuangkan nasib bangsa, agama dan negara berbanding ketika pilihan raya umum 1999.

Katanya, perubahan sikap itu berlaku selepas mendengar penjelasan-penjelasan yang diberikan.

“Pada tahun 1999, perkara itu (kes pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim) baru saja berlaku, ramai yang rasa kecewa kerana mereka tidak tahu apa sebenarnya yang berlaku.

“Sekarang jelas sikap orang Melayu di kawasan ini nampak berubah melalui minat mereka untuk hadir dalam perjumpaan dan cara mereka bercakap dan menyoal pada sesi dialog,” jelas beliau kepada pemberita pada akhir lawatan rasminya selama dua hari ke Pulau Pinang.

Terdahulu, beliau menghadiri majlis perjumpaan dengan pemimpin UMNO peringkat akar umbi dari cawangan-cawangan dan bahagian Permatang Pauh dan Bukit Mertajam di Politeknik Seberang Perai, dekat sini.

Perdana Menteri seterusnya memberitahu, perkembangan positif itu membuktikan fikiran mereka telah berubah kerana telah mendengar penjelasan yang diberikan berhubung perkara tersebut.

Beliau turut menasihatkan pemimpin UMNO bahagian itu supaya mengetepikan perbezaan pendapat termasuk perbezaan yang berlaku semasa pemilihan jawatan dalam parti.

“Sebaliknya, mereka perlu memberi tumpuan kepada perjuangan UMNO untuk mencapai matlamat kemajuan bangsa, agama dan negara,” katanya.

Menurut beliau, perjuangan untuk negara bagi mencapai kemajuan kini boleh dibanggakan manakala perjuangan mengenai agama masih lagi dapat diputarbelitkan oleh parti pembangkang.

Bagaimanapun tambahnya, perjuangan berkaitan pencapaian bangsa, masih tidak memuaskan kerana orang Melayu gagal mencapai sasaran 30 peratus dalam Dasar Ekonomi Baru (DEB).

“Banyak lagi yang perlu kita buat bagi mengatasi masalah kemiskinan di kalangan orang Melayu,” ujarnya.

Mengenai lawatan beliau ke negeri ini, Perdana Menteri melahirkan rasa puas hati dengan sambutan yang diberikan oleh pemimpin dan ahli UMNO serta dari parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) yang memberikan sokongan padu serta mendengar ucapannya dengan begitu serius.

Katanya, ini menunjukkan mereka bersemangat untuk meneruskan perjuangan UMNO dan BN dan ini memberi petanda yang baik kepada masa depan parti dan negara.